

Lantang kerana stabil: PM

Oteh Wan Sabariah Shikh Ali

B.H 24 JUL 1992

HULU LANGAT, Khamis — Pembangunan pesat dan kestabilan dalam negara yang berpunca daripada sikap sederhana rakyat berbilang kaum di negara ini, membolehkan Malaysia berani bersuara lantang dalam arena antarabangsa, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, suara lantang dalam forum antarabangsa saja tidak berkesan jika suasana dalam negara tidak menjadi bukti kepada apa yang dilayangkan.

"Amat mudah sekali bercakap lantang, sama ada di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) atau di Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, kerana apa yang diperlukan hanya 'pasung dagu dan lidah."

"Tetapi ia tidak akan mendatangkan apa-apa kesan daripada suara lantang itu melainkan keadaan dalam negara kita sendiri boleh membantu apa yang kita perkatakan itu," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika berucap melancarkan program Kampungku peringkat

Selangor, di pekan Batu 14 di sini, hari ini.

Menurut Perdana Menteri, kestabilan dalam negara dan kemajuan yang dinikmati sekarang ialah kerana rakyat Malaysia pelbagai kaum bersikap sederhana, sanggup bertolak ansur dan bekerjasama membangunkan negara.

"Perhubungan antara kaum di Malaysia begitu baik, kerana itu keadaan politik dalam negara stabil, seterusnya membolehkan pentadbiran dapat dijalankan dengan sempurna dan pembangunan ekonomi dapat dilaksanakan dengan jayanya.

"Bandingkan keadaan negara lain di mana penduduknya pelbagai kaum banyak menghadapi masalah besar dan sentiasa berlaku peperangan antara kaum sehingga negara hancur," katanya.

Menurutnya, sistem politik cara Barisan Nasional (BN) yang membolehkan semua kaum menyertai kerajaan serta berfungsi sebagai pemerintah juga menjadi faktor kepada kestabilan dalam negara.

Sistem pemerintahan

cara BN, katanya, membolehkan kepentingan semua kaum disuarakan dan dijadikan sebahagian dasar pentadbiran negara.

"Negara kita sedang mencapai tahap kemajuan yang boleh dibanggakan walaupun kita belum menjadi Negara Industri Baru (NIC), semua mengakui bahawa Malaysia membangun dengan pesat. Hasil daripada pentadbiran yang cekap dan dasar yang sesuai saja, tidak berkesan jika rakyat sendiri tidak faham dan sedar matlamat pembangunan negara.

"Kita hendak membangunkan negara supaya boleh pertahankan kebebasan kita. Tanpa kemajuan, kekayaan dan kekuatan sendiri kita tidak boleh pertahankan kebebasan negara," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, kelantangan di luar negara bukanlah sesuatu yang penting kerana matlamat sebenar Malaysia ialah mencapai kedudukan yang setaraf dengan negara di Eropah, Amerika Utara dan Jepun.